

# Arggh.... ibu masuk hospital

**SEDAR tak sedar hampir enam bulan aku tinggalkan dunia kampus iaitu Universiti Putra Malaysia. Rasanya baru semalam aku berkejaran untuk menghadiri kuliah mendengar syarahan pensyarah yang kadang kalanya menyeronokkan dan kadangkala membosankan tapi apa nak buat kan dah itu tanggung jawab kita dan salah satu sumber untuk mendapat ilmu. Tapi yang pastinya rakan-rakan kuliah yang paling best kukenali.**

Selain ibu bakaku, merekalah sumber inspirasi dan pendorong untuk berjaya. Mana tidaknya mereka tidak pernah membezakan kedudukan, kebijaksanaan seseorang itu dan sering membantu tidak mengira masa serta sentiasa di samping ketika senang atau susah.

Selama tiga tahun di kampus hijau ini peristiwa yang paling tidak dapat di lupakan sehingga kini, apabila ibu kesayanganku dimasukkan ke hospital kerana kakinya terluka akibat terkena kaca. Peristiwa tersebut berlaku berapa hari sebelum raya tahun lepas. Waktu itu berada di semester akhir dan hanya menunggu untuk menghadapi peperiksaan akhir.

“Pada mula tidaklah teruk sangat tapi biasalah orang menghidap penyakit kecing manis luka sekecil mana pun tetap teruk dan berbahaya apatah lagi kalau luka tersebut dah terkena jangkitan kuman. Lagipun ibuku ini masa raya ari tu rajin sangat nak tunai permintaan anak buahnya yang nak sangat rasa masakan kuah lontong,” detik hatiku.

Nak tahu, dengan kakinya yang cedera itu kuah lontong tetap juga dimasukkannya pada raya kedua!

Esoknya, kaki ibu mula bengkok dan tak mampu hendak bergerak banyak sangat. Aku dan ayah membawa ibu ke klinik yang berhampiran kampung ku di Terengganu.

“Luka dah teruk dan kena bawa ke hospital. Kalau tak bawa ke hospital dengan segera kaki ibu kena potong sehingga ke paras lutut kerana kuman sudah sampai ke bertis. Lagipun, untuk mengelakkan kuman tidak merebak ke anggota yang lain,” kata doktor.

Arggh...arggh...apa lagi mulalah aku dan ayahku panik dan hampir hendak menangis.

Sebaik sahaja ambil ubat yang

diberikan kami terus ke airport untuk balik segera dan terus ke hospital Putrajaya. Ini kerana selama ini ibuku mendapatkan rawatan di situ.

Tiba, di Hospital Putrajaya dan terus ke wad kecemasan hampir lima jam jugalah tunggu doktor. Lagipun waktu tu ada kes kematian dan kemalangan. Kes-kes macam tu diberi keutamaan dahulu.

Setelah berjumpa dengan doktor, ibu perlu menjalani pembedahan kecil di tepat lukanya dan ditahan untuk rawatan lanjut.

“Alhamdulillahlah, aku bersyukur sangat kerana luka tu tak teruk..tak sampai kena potong kaki. Tapi sedih...tengok keadaan ibu waktu menahan kesakitan,” rintih hati ku.

Hampir sembilan hari ibu kena tahan dekat hospital dan selama itu jugak aku berulang-alik ke hospital.

Kerja-kerja dirumah yang selama ini ibuku lakukan beralih sepenuhnya padaku. Dalam sibuk menjalankan tugas di rumah dan menjaga ibu, aku sempat mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan akhir aku yang waktu hanya tinggal seminggu untuk kutempuh.

Alhamdulillahlah, berkat menjaga ibu



Oleh: NOR ELLINA AB. RAZAK

dan doa-doa serta dorongan dari orang-orang yang menyayangi diri aku lulus dengan cemerlang peperiksaan akhir. Buat pertama kalinya, aku dapat kepujian dekan, cuba bayangkan hampir setiap semester aku cuba belajar bersungguh-sungguh untuk kepujian dekan tapi hanya semester akhir ku yang penuh dengan dugaan dan rintangan juga ku dapat kepujian dekan.

Betul kata orang setiap musibah yang kita hadapi pasti ada hikmah di sebaliknya. Setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan baik dan begitu sebaliknya. Dengan adanya peristiwa itu, ia dapat menjadikan diriku seorang yang tabah menghadapi dugaan dan sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi.